

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

21. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan satu sistem kawalan trafik di Taman Botani demi mengelakkan kesesakan trafik dan parkir yang terhad?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya berhasrat untuk mengadakan satu sistem kawalan trafik di Taman Botani selaras dengan 'Draf Rancangan Kawasan Khas' yang sedang disediakan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Untuk itu, MBPP telah mengambil tindakan seperti berikut:

Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan, telah dilaksanakan dan akan diteruskan;

Memasang *Closed-circuit television* (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analytics*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam. MBPP telah menyediakan 3 buah kamera CCTV di kawasan Taman Botani;

Menjalankan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan

tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasa;

Menjalinkan kerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam dari pusat bandar George Town ke Taman Botani;

Menaik taraf laluan pejalan kaki bagi menggalakkan orang ramai berjalan kaki;

Menyediakan laluan basikal bagi menggalakkan penggunaan basikal sebagai mod pengangkutan alternatif. Perkhidmatan *Link Bike* juga ada disediakan di kawasan ini di mana stesen *Link Bike* telah diadakan di Taman Botani dan Taman Bandaraya Pulau Pinang untuk memudahkan orang awam menggunakannya dalam aktiviti harian; dan

Menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta dengan menyediakan pengangkutan bas *Hop On Hop Off* untuk kemudahan pelancong.